



- BISYOP DIOSIS**  
The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais
- BISYOP SUFFRAGAN**
- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**  
The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais
  - **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**  
The Rt. Revd. Kenneth Thien
  - **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**  
The Rt. Revd. John Yeo
- REKTOR**  
The Rt. Revd. John Yeo
- PEMBANTU REKTOR**  
Revd. Ho Kee Chung
- PADERI/PASTOR**
- Revd. Samamadin Uloi
  - Revd. Robert Chin (Sukarela)
  - Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)
  - Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)
  - Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)
- ZON BI: REV. NELSON TAI ZUN BIN**
- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
  - **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
  - **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin
  - **Kanak-Kanak:** Doris Chin
- ZON BC: REV. HO KEE CHUNG**
- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung
  - **Belia:** Alan Chung
  - **Muda-Mudi:** Yvonne Lee
  - **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong
  - **Warga Emas:** Kok Feh Ken
- ZON BM:**
- **SPC:** Revd. Anzen Daud  
Revd. Fredoline Babiah
  - **PJA:** Revd. Majelus Majar
  - **Dewasa:** Revd. Anzen Daud
  - **Belia:** Danny Daniel
  - **Muda-Mudi:** Jackson Samuel
  - **Kanak-kanak:** Meros Majar
- PELAYANAN SOKONGAN**
- **Penjagaan & Kasih:**  
Alex Wong Chun Sang
  - **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui
  - **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel
  - **Doa:** Chu Sui Fun
  - **Pasukan Pujian:** Esther Hoo
  - **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew
- STAF PENTADBIRAN**
- **PA Rektor:** Annie Chiew
  - **Pentadbiran:** Margaret Khong
  - **Penyelenggaraan:**  
Rommel Lumantas
  - **Pengangkutan:**  
Rommel Lumantas
  - **Kebersihan:** Margaret Khong
- GEREJA MISI**
- **Tarakan**  
Revd. Jakobus Chong  
Revd. Roy Nol Simon
  - **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**  
Revd. Martin Ataring  
Revd. Ferdinan Atonis  
Ps. Christinah Simon

## Mesej Rektor



## KEHIDUPAN SELEPAS PASKAH

*Terpujilah Allah dan Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, yang karena rahmat-Nya yang besar telah melahirkan kita kembali oleh kebangkitan Yesus Kristus dari antara orang mati, kepada suatu hidup yang penuh pengharapan, untuk menerima suatu bagian yang tidak dapat binasa, yang tidak dapat cemar dan yang tidak dapat layu, yang tersimpan di sorga bagi kamu. Yaitu kamu, yang dipelihara dalam kekuatan Allah karena imanmu sementara kamu menantikan keselamatan yang telah tersedia untuk dinyatakan pada zaman akhir.* (1Petrus 1:3-5)

Petrus meyakinkan kita bahwa, setiap orang yang berbalik kepada Tuhan akan menerima hidup yang baru, yang dilindungi oleh kuasa Allah. Janji ini bermaksud bahawa warisan kita di dalam Kristus terjamin dan tidak dapat dirampas, selama kita tetap setia pada iman kita.

Namun, hidup yang aman tidak bermaksud bahawa kita akan bebas daripada pelbagai percobaan. Petrus mengingatkan kita bahawa orang-orang percaya akan menghadapi cabaran, tetapi percobaan-percobaan ini bertujuan untuk memurnikan kita, sama seperti emas dimurnikan oleh api. Proses ini menghasilkan nilai yang lebih besar—yang pada akhirnya akan mendatangkan pujian dan kehormatan ketika Yesus datang kembali.

Petrus sendiri gagal tetapi dia tidak melarikan diri atau bersembunyi. Sebaliknya, dia kembali kepada Tuhan, menjadi lebih kuat...

*Muka surat seterusnya...*

*dari muka surat sebelah...*

..dan menjadi pemimpin gereja awal. Sebagai orang Kristian, iman kita akan diuji, tetapi cabaran-cabaran ini bukan untuk melemahkan atau memusnahkan kita.

Ia adalah cara untuk memurnikan kita bagi kemuliaan Tuhan. Seperti Petrus, kita juga boleh bangkit menjadi lebih kuat dan lebih baik.

Kehidupan setelah Paskah adalah nyata: itu adalah kehidupan yang terjamin yang tak dapat dirampas oleh musuh mana pun, serta kehidupan yang telah dimurnikan dan disiapkan untuk kemuliaan. Jika Petrus dapat menjadi tiang yang teguh setelah kegagalannya, anda juga boleh. Biarlah kehidupan Paskahmu bermula hari ini.

## **KELAS PENETAPAN**

Setiap hari Rabu  
7:30 Malam | Bilik Joy

## **SUKANEKA KELUARGA SPC**

01 Mei 2026 (Jumaat)  
7:00 Pagi  
Padang SM St. Patrick

*Sila daftarkan diri anda melalui  
Kelompok Sel masing-masing.*

**Tarikh Tutup Pendaftaran :  
20 April (Isnin)**

## **MENARA DOA**

13 April 2026 (Isnin) | 7:30 Malam  
Gereja St. Patrick  
Tema Doa : Negara Malaysia

*"..Naikkanlah permohonan, doa syafaat dan ucapan syukur untuk semua orang, untuk raja-raja dan untuk semua pembesar, agar kita dapat hidup tenang dan tenteram dalam segala kesalehan dan kehormatan."*

*2 Timotius 2:1-2*

## **PERJAMUAN KUDUS DIRUMAH**

15 April 2026 (Rabu)  
8:00 Pagi | Gereja St. Patrick

## **CHILL & LINK BELIA SPC RALLY GAMES**

23-26 April 2026 (Khamis-Ahad)  
Kelompok Sel masing-masing.

## **IMPAK PEPERANGAN US - IRAN KE ATAS EKONOMI ASIA**

- Berdoa agar Tuhan Yang Maha Kuasa akan memelihara laluan perkapalan dan perdagangan global, serta membiarkan laluan tersebut terbuka dan bebas daripada gangguan perang.
- Berdoa agar Tuhan akan memberikan hikmat kepada pemimpin-pemimpin dunia untuk menyelesaikan konflik dengan cara yang baik dan aman.

## **PELAYANAN BISYOP JOHN YEO**

Bisyop John Yeo dan isteri berada di Gereja Holy Cross, Kuala Sapi untuk Kebaktian Penetapan pada minggu ini. Mohon bantu beliau dalam doa anda.

# Gereja

## PELANCARAN LAWATAN MISI

Jemaat yang berminat untuk menyertai Lawatan Misi, sila ambil borang pendaftaran dimeja yang terletak dipintu utama Rumah Doa.

Kami akan mengumpulkan jumlah peserta pada 11 Mei (Isnin), dan latihan akan dimulakan dalam masa terdekat.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

### Bahasa Inggeris

Doris Chin (013 888 0995)

### Bahasa Cina

Allan Chung - 012 813 3000

### Bahasa Malaysia

Lareus Loko - 016 879 3501

*"Pergilah ke seluruh dunia, beritakanlah Injil kepada segala makhluk."  
Markus 16:15*

## SEKOLAH VISI : SESI TAKLIMAT IBUBAPA DAN SOAL JAWAB

18 April 2026 (Sabtu)  
9:00 Pagi-10:30 Pagi  
Dewan Sekolah Visi

*"Membantu anak anda melangkah ke Tahun 1 dengan keyakinan"*

## PEMBERIAN PERSEMBAHAN



Persepuluhan



Persembahan

## PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

**Cek: St. Patrick's Church, Tawau**

## STATISTIK KEBAKTIAN 2026

| KEBAKTIAN          | BULAN FEBRUARI |                 | BULAN MAC |                 |
|--------------------|----------------|-----------------|-----------|-----------------|
|                    | KEHADIRAN      | PERJAMUAN KUDUS | KEHADIRAN | PERJAMUAN KUDUS |
| Dwibahasa          | 333            | 262             | 340       | 277             |
| Bahasa Hakka       | 256            | 240             | 275       | 273             |
| Bahasa Inggeris    | 139            | 139             | 163       | 155             |
| Bahasa Mandarin    | 78             | 61              | 81        | 69              |
| Bahasa Malaysia    | 698            | 567             | 748       | 517             |
| PJA 1 (8:00pagi)   | 112            | 96              | 137       | 98              |
| PJA 2 (11:00pagi)  | 96             | 64              | 98        | 76              |
| Jumlah keseluruhan | 1,712          | 1,426           | 1,842     | 1,465           |

# **DIBANGUNKAN DI PERJALANAN, UNTUK MELANGKAH KELUAR**

## **LUKAS 24:13-35**

- 1. Dibangunkan daripada Kebutaan Kita (ayat 13-24)**
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 2. Dibangunkan melalui Firman (ayat 25-27)**
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 3. Dibangunkan kepada Peribadi-Nya (ayat 28-32)**

**Kesimpulan:** Tuhan tidak membuka mata kita semata-mata supaya kita berasa lebih baik—Dia membuka mata kita supaya orang lain dapat melihat.

### **Penerapan Firman Tuhan**

1. Bagaimanakah anda akan menggambarkan keadaan emosi kedua-dua murid itu—perkataan atau frasa apakah yang menunjukkan perasaan mereka? Dan pernahkah anda merasa sesuatu yang serupa dalam hidup anda sendiri?
2. Kesalahfahaman para murid mengenai rencana dan tujuan Allah disebabkan oleh harapan-harapan yang keliru. Apakah beberapa harapan atau jangkaan keliru yang biasa dimiliki oleh orang Kristian, dan apa kebenarannya menurut Firman Allah?
3. *“Kebangunan belum lengkap sebelum diwujudkan dalam tindakan.”* Apakah yang dilakukan para murid segera setelah mereka mengenali Yesus—mengapa hal ini penting? Apakah satu hal yang perlu dilakukan oleh anda pada hari ini—dan bagaimana anda akan memulainya?